
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**PPK 332- PENDIDIKAN KHAS PERINGKAT AWAL
KANAK-KANAK**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** soalan semuanya. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Jawab **EMPAT (4)** soalan.

1. Penemuan teori perkembangan kanak-kanak telah banyak membawa perubahan kepada amalan pentaksiran. Kesedaran tentang kepentingan teori amat perlu untuk dijadikan sebagai asas dalam memahami tingkah laku perkembangan kanak-kanak khas diperingkat awal. Berdasarkan kesedaran tentang pentingnya teori dalam memahami perkembangan kanak-kanak khas, hurai dan jelaskan teori-teori berikut:-
 - (a) Teori Behavioris/ tingkah laku (5 markah)
 - (b) Teori Kognitif (5 markah)
 - (c) Teori Pembelajaran Sosial (5 markah)
 - (d) Teori Psikoanalitik (5 markah)
 - (e) Teori Maturationisme/ Naturalisme (5 markah)
2. Terdapat berbagai model dalam membuat penilaian dan intervensi terhadap kanak-kanak berkeperluan khas. Model-model ini amat penting untuk difahami oleh guru sebelum membuat penilaian dan intervensi terhadap kanak-kanak. Ini sangat penting agar penilai boleh memilih pendekatan yang bersesuaian dengan penilaian dan intervensi yang hendak dibuat. Berdasarkan kenyataan ini, huraiakan model-model penilaian dan intervensi kanak-kanak berkeperluan khas berikut:-
 - (a) Model Biogenetik/biogenik (5 markah)
 - (b) Model Psikodinamik (5 markah)
 - (c) Model Psikopendidikan (5 markah)
 - (d) Model Humanistik (5 markah)
 - (e) Model Ekologi (5 markah)
3. Intervensi awal perlu dilakukan bagi membantu kanak-kanak yang berisiko dan mengalami masalah dalam perkembangan atau berkeperluan khas selepas dilahirkan.
 - (a) Huraikan definisi intervensi awal secara umum dan khusus dalam konteks kanak-kanak yang berkenaan? (10 markah)
 - (b) Bincangkan jenis-jenis perkhidmatan intervensi yang disediakan dalam membantu kanak-kanak berkeperluan khas? (15 markah)

4. Ibu bapa dan keluarga terdekat memainkan peranan yang amat berguna dalam membantu kanak-kanak yang mengalami masalah perkembangan tertangguh atau yang berkeperluan khas.
 - (a) Bincangkan bagaimana ibu bapa dapat memainkan peranan tersebut dalam memberikan intervensi awal kepada kanak-kanak?
(12 markah)
 - (b) Huraikan kekangan yang wujud bagi ibu bapa dalam melaksanakan intervensi di rumah?
(13 markah)
5. Perkembangan motor merupakan aspek perkembangan yang terpenting di peringkat awal kanak-kanak.
 - (a) Huraikan maksud perkembangan motor dengan mengaitkan jenis-jenis motor yang terlibat.
(10 markah)
 - (b) Bincangkan aktiviti-aktiviti intervensi meningkatkan kemahiran motor kanak-kanak berkeperluan khas.
(15 markah)
6. Pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak berkeperluan khas memerlukan kepada pengubahsuaian dari segi teknik dan bahan bantu mengajar.
 - (a) Huraikan maksud pengubahsuaian dalam konteks kanak-kanak berkeperluan khas.
(12 markah)
 - (b) Bincangkan bagaimana pengubahsuaian tersebut dilaksanakan terhadap pembelajaran kanak-kanak berkenaan.
(13 markah)